

1980

KUALA LUMPUR, 27 NOV. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PERKAUMAN TIDAK AKAN MENJADI MSALAH DI NEGARA INI DAN KESEDERHANAAN AKAN BERKEMBANG DI KALANGAN SEMUA KAUM JIKA TIDAK KERANA PARTI DAP.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN TANPA PARTI PEMBANGKANG ITU, MCA TIDAK PERLU BERHATI-HATI DALAM SOAL-SOAL YANG CHAUVINISTIK DAN UMNO JUGA TIDAK PERLU BERSIKAP KEMALAYUAN YANG EKSTRIM.

BERUCAP SEMASA SOALJAWAB DI DEWAN RAKYAT BELIAU MENGKECAM DAP KERANA LEBIH MEMAINKAN POLITIK PERKAUMAN YANG LEBIH KETARA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN LAIN-LAIN PARTI.

KATANYA "JIKA MCA, MIC DAN UMNO MENYERU KEPADA PERPADUAN KAUM MASING-MASING DI DALAMNYA, INI UNTUK MEMUDAHKAN KAUM-KAUM INI BEKERJASAMA DALAM BARISAN NASIONAL.

"SEBALIKNYA SEMENTARA DAP TIDAK MENYERU KEPADA PERPADUAN KAUM CINA DI DALAMNYA HAKIKATNYA IALAH DAP BUKAN SAJA MERUPAKAN PARTI CHAUVINISTIK CINA TETAPI ISU-ISU YANG DIBANGKITKANNYA MENYUSAHKAN LAGI PERPADUAN KAUM SERTA MENYEKAT KERJASAMA ORANG-ORANG CINA DENGAN KAUM-KAUM LAIN," TEGASNYA.

—BERSAMBUNG HM 1759

B560

PARLIMEN-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

158

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK TING CHEK MING (DAP-BRUAS) YANG INGIN TAHU SAMADA PERPADUAN CINA DI BAWAH MCA, PERPADUAN MELAYU DI BAWAH UMNO DAN PERPADUAN KAUM INDIA DI BAWAH MICA MERUPAKAN PERKAUMAN.

ANGGOTA ITU JUGA INGIN TAHU SAMADA COGANKATA 'BERSATU' MELAYU, CINA DAN INDIA DI BAWAH PARTI-PARTI YANG BERKENAAN ITU MERUPAKAN ISSU SENSITIF YANG BOLEH MEMUSNAHKAN MUHIBBAH ANTARA KAUM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYESALI SIKAP ANGGOTA ITU SERTA PARTINYA YANG MASIH TIDAK MEMAHAMI ATAU SENGAJA TIDAK MAHU MEMAHAMINYA WALAUPUN TELAH BERKALI-KALI IA DIJELASKAN.

KATANYA "AHLI YANG BERHORMAT ITU MASIH TIDAK MAHU MENERIMA HAKIKAT BAHAWA BUKAN SERUAN YANG PENTING TETAPI AMALAN."

—BERSAMBUNG HM 1655

B561

PARLIMEN-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARI ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR), BELIAU MENEGASKAN MALAYSIA TERKENAL DI SELURUH DUNIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG SEJAK MERDEKA TELAH MENCAPI BUKAN SAJA KEMAJUAN PESAT MALAH MERUPAKAN SALAH SEBUAH NEGARA YANG AMAT STABIL.

"TETAPI JIKA SEKARANG SOAL PERKAUMAN TIMBUL, INI ADALAH DISEBABKAN KEGIATAN-KEGIATAN DAP SEPANJANG MASA," KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA TELAH MENJAWAB SATU PERTANYAAN LAIN DARI ENCIK AHMAD NAKHAIE HAJI AHMAD (PAS-BALING) YANG INGIN TAHU SAMADA KERAJAAN AKAN MENGHENTIKAN AMALAN MENGGERAKKAN JENTERANYA UNTUK MEMBANTU CALON-CALON UMNO DALAM PILIHANRAYA.

BELIAU MENJALASKAN JENTERA PENTADBIRAN SENTIASA DIGERAKKAN SEPANJANG MASA BAIK SEBELUM ATAU SELEPAS SESUATU PILIHANRAYA DAN JUGA SEMASA TIDAK ADA PILIHANRAYA.

"JENTERA KERAJAAN SENTIASA BERJALAN TETAPI ADA KALANYA IA PERLU DIGERAKKAN LEBIH GIAT LAGI LEBIH-LEBIH LAGI SEWAKTU

MENJELANG SESUATU PILIHANRAYA UMPAMANYA DI BIDANG PENERANGAN,
TENTANG DASAR-DASAR DAN PROJEK-PROJEK KERAJAAN,"
KATANYA.

—BERSAMBUNG HM 1700
PARLIMEN—MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA "LANGKAH INI DIBUAT KERANA
PADA MASA INILAH JUGA PIHAK-PIHAK PEMBANGKANG AKAN MENGAMBIL
PELUANG BUKAN SAJA UNTUK MENGEKAM PARTI YANG BERTANDING TETAPI
JUGA KERAJAAN DENGAN BERBAGAI TUDUHAN YANG MEMESONGKAN FAHAMAN
RAKYAT TENTANG DASAR-DASAR DAN PROJEK-PROJEK KERAJAAN.

KATANYA, "JENTERA-JENTERA KERAJAAN SAPERTI JABATAN PENERANGAN,
KEMAS DAN LAIN-LAIN DIGUNAKAN SEMATA-MATA UNTUK MENERANGKAN DENGAN
JELAS SUPAYA PROPAGANDA PARTI PEMBANGKANG DIPATAH MELALUI
MAKLUMAT YANG BENAR."

MENGENAI PENUBUHAN SEBUAH STESYEN MINYAK PETRONAS DALAM
KAWASAN PILIHANRAYA KUALA BESUT, BELIAU MENJELASKAN IA SECARA
KEBETULAN BERTEMBONG DENGAN MASA PILIHANRAYA KECIL KAWASAN ITU
TIDAK LAMA DULU.

"KETIKA ITU JUGA KAWASAN TERSEBUT MENGALAMI MASALAH KEKURANGAN
MINYAK DIESEL DAN MEMANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN STESYEN TERSEBUT,"
TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA "JIKA STESYEN ITU TIDAK DIADAKAN, MAKA SUDAH
TENTU IA AKAN MENJADI BAHAN KEMPEN PARTI PAS PULA."

—BERSAMBUNG HM

B569
PARLIMEN—MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEKANKAN SOAL PERBELANJAAN
KERAJAAN UNTUK SESUATU PILIHANRAYA TIDAK TIMBUL KERANA
SELAGI KERAJAAN TERUS MENGGERAKKAN JENTERANYA DAN
MENGADAKAN PROJEK-PROJEK UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT, SELAGI ITULAH
KERAJAAN TERPAKSA BERBELANJA.

KATANYA, "JIKA PAS TIDAK SUKA KERAJAAN MEMBELANJAKAN WANG UNTUK
RAKYAT DI MANA-MANA WAKTU, PAS HARUS DIBERITAHU RAKYAT
BAHAWA IA TIDAK SUKA KERAJAAN MEMBANTU RAKYAT DAN JANGAN
MENJADIKANNYA BAHAN POLITIK."

MENJAWAB PERTANYAAN DATUK HAJI YUSOF MALIM KUNING (BN-PANTI) 159
PULA, BELIAU MENEGASKAN WALAUPUN PAS MENGKECAM KERAJAAN
KERANA MEMBELANJAKAN WANG, IA TIDAK PULA MENYATAKAN IA TIDAK MAHUKAN
PEMBANGUNAN.

+PAS SUKA GUNAKAN ALASAN PEMBANGUNAN ITU TIDAK BERGUNA
TETAPI JIKA KERAJAAN TIDAK MELAKSANANNYA, PAS PULA AKAN
MENUDUHNYA MELAKUKAN SATU KESALAHAN, + TAMBAHNYA.

— BERSAMBUNG 1710/SZ

B570

PARLIMEN—MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

KEPADA SOALAN LAIN DARI ENCIK KARPAL SINGH (DAP—JELUTONG),
DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH
TELAH DIBERI PERATUS KENAIKAN GAJI YANG LEBIH TINGGI BERBANDING
DENGAN GOLONGAN BERPANGKAT TINGGI DALAM SUSUNAN GAJI BARU
PERKHIDMATAN AWAM.

+TETAPI OLEH KERANA GAJI ASAS GOLONGAN BERPANGKAT TINGGI
ADALAH TINGGI, MAKA KENAIKAN SECARA MUTLAK BAGI MEREKA
TUNTULAH MENJADI TINGGI, + KATANYA.

ENCIK KARPAL SINGH MENDAKWA KERAJAAN TELAH MEMBERIKAN
KENAIKAN GAJI YANG LEBIH TINGGI KEPADA PARA PEGAWAINYA YANG
BERPANGKAT TINGGI BERBANDING DENGAN GOLONGAN BERPENDAPATAN
RENDAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENANYAKAN AHLI ITU DI MANA TERDAPATNYA
NEGARA YANG MEMBERIKAN KENAIKAN GAJI KEPADA KUMPULAN
YANG BERPANGKAT TINGGI YANG SECARA MUTLAK ADALAH SAMA ATAU RENDAH DARI
MEREKA YANG BERPENDAPATAN RENDAH.

KATANYA +DI NEGARA KOMUNIS DAN SOSIALIS PUN PERKARA INI TIDAK
DAPAT DIAMALKAN.

+JIKA AHLI YANG BERHORMAT ITU MEMBAYAR GAJI PEGAWAINYA MENGIKUT
KADAR INI, KEMUNGKINAN TIDAK SIAPA MAHU BEKERJA DI PEJABATNYA
KECUALI BUDAK PEJABAT SAJA, + TAMBAHNYA DISAMBUT DENGAN TEPUKAN
MEJA DARI PARA PENYOKONG KERAJAAN. — BERNAMA 1715/SZ